



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8000 8000 Faks: 03-8889 7957

Laman web: www.kwp.gov.my

KENYATAAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

RESIDENSI PRIHATIN BERI PELUANG RAKYAT MILIKI KEDIAMAN DI WILAYAH PERSEKUTUAN

Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) memperkenalkan Residensi Prihatin bagi membolehkan golongan berpendapatan rendah B40 di Wilayah Persekutuan untuk memiliki kediaman yang selesa dengan persekitaran yang selamat, sihat dan sejahtera. Usaha ini juga merupakan salah satu program pembasmian kemiskinan dan peningkatan taraf hidup warga Wilayah Persekutuan yang sentiasa menjadi agenda utama KWP dalam usahanya memperkuuhkan *society safety net* rakyat, sejajar dengan matlamat Inisiatif Wilayah Prihatin (IWP).

KWP dengan kerjasama Perbadanan Putrajaya (PPj) membangunkan sebanyak 12,253 unit Residensi Prihatin berkeluasan 750 kaki persegi dengan melibatkan 10 tapak projek pembangunan di Putrajaya membabitkan kawasan strategik di Presint 5, 7, 11, 16 dan 19. Projek-projek ini sedang dalam peringkat perancangan dengan pembinaan keseluruhannya dijangka siap sepenuhnya sehingga tahun 2025. Daripada jumlah itu, sebanyak 1,592 unit Residensi Prihatin Kenanga dan Melur yang akan dibangunkan, dijual pada harga RM 200,0000 iaitu lebih rendah daripada harga pasaran. Kos itu tidak termasuk kos nilai tanah di Putrajaya. Kedua-dua Residensi itu akan dibangunkan oleh syarikat pemaju Tetuan Protasco Development Sdn. Bhd. yang menandatangani Perjanjian Pembangunan (D.A.), hari ini.

Bagi memastikan kumpulan sasar yang tepat beroleh manfaat tersebut, permohonan Residensi Prihatin ini memberi penekanan kepada pemohon bagi rumah pertama dan masih belum memiliki rumah. Keutamaan turut diberikan kepada penjawat awam dan pembeli-pembeli yang terdiri daripada kumpulan keluarga muda. Di samping itu, penetapan syarat minimum 60 peratus daripada jumlah unit pembangunan ini akan diperuntukkan kepada kuota Bumiputera bagi mengatasi masalah pemilikan rumah oleh kumpulan B40. Pembangunan

Residensi Prihatin ini meliputi kemudahan seperti surau, dewan serbaguna, tadika, taska, ruang niaga, gelanggang badminton, taman permainan kanak-kanak dan tempat letak kereta berbumbung bagi memastikan persekitaran hidup yang lebih kondusif dan berkualiti.

Individu yang lahir, menetap dan bekerja di Wilayah Persekutuan yang berminat untuk memiliki unit Residensi Prihatin ini, boleh membuat pendaftaran permohonan secara atas talian di portal Residensi Prihatin <https://residensiprihatin.kwp.gov.my>. bermula esok. Permohonan adalah terbuka kepada mereka yang mempunyai pendapatan kasar tidak melebihi RM5,000 sebulan dan keutamaan diberikan kepada pemohon belia yang telah berkahwin. Dokumen – dokumen yang diperlukan oleh Urusetia akan dimaklumkan terus kepada pemohon melalui e-mel.

Kementerian berharap pelaksanaan program di bawah Cakna Perumahan ini dapat mengatasi isu kesukaran pemilikan rumah di Wilayah Persekutuan terutama sekali kepada golongan muda. Semoga projek ini dapat mejadikan Wilayah Persekutuan sebagai Wilayah yang Prihatin serta berdaya huni bagi semua lapisan masyarakat. Residensi Prihatin ternyata tepati keperluan semasa dan kehendak warga penduduk Wilayah Persekutuan.

**Tan Sri TPr. Annuar Musa
Menteri Wilayah Persekutuan
22 Februari 2021**